

ALTERNASI DALAM FONOLOGI SUBDIALEK KEDAH UTARA

Shahidi A.H.

Abstrak

Kajian ini bertujuan menyerlahkan proses-proses fonologi yang terdapat dalam subdialek Kedah Utara di samping memaparkan distribusi fonem vokal dan konsonannya. Kawasan yang menjadi lokasi pengumpulan data ialah di sekitar kawasan Naka, Kuala Nerang, dan Pedu, dalam daerah Padang Terap, Kedah. Pada hakikatnya, huraiyan penyelidikan terdahulu lebih terarah menyamakan proses fonologi subdialek Kedah Utara dengan subdialek Kedah persisiran. Bagaimanapun, daptaran kajian ini membuktikan bahawa subdialek Kedah Utara tetap mempunyai ciri-ciri tersendiri yang unik dalam kes-kes tertentu misalnya reduplikasi konsonan sebagai pengganti proses asimilasi nasal-obstruen, proses peleburan segmen dan unsur aspirasi. Penulisan ini menyerlahkan hakikat bahawa kewujudan konsonan rangkap (yang ditemui hadir pada lingkungan tengah kata dalam data kajian) adalah hasil proses asimilasi dan perubahan struktur suku kata yang berlandaskan syarat-syarat (fonologi) dan lingkungan tertentu. Pengkaji berpendapat hasil kajian ini sekurang-kurangnya telah membuktikan bahawa subdialek Kedah Utara memiliki ciri-ciri tertentu yang khusus membezakannya dengan variasi dialek Kedah yang lain (dialek Kedah persisiran misalnya).

Abstract

The purpose of this study is to reveal the phonological processes of North Kedah sub dialect as well as to illustrate the distributions of its phonemes. Data of this study were gathered from the dialect spoken by native speakers of North Kedah sub dialect who live in Naka, Pedu, and Kuala Nerang areas (in the district of Padang Terap, Kedah). It is important to note here that previous studies (literature review) tend to equalize the phonological process of North

ALTERNASI DALAM FONOLOGI SUBDIALEK KEDAH UTARA

Kedah sub dialect with the Coastal Kedah sub dialect (i.e. Kedah standard language). The present study, notwithstanding, found that the North Kedah sub dialect do have differences of phonological process, such as consonant reduplication as substitutes to the nasal assimilation process (homorganic nasal-obstruent), coalescent assimilation of segments and aspiration elements. This study shows that the existence of consonant reduplication (in the word medial position of the present data) is the result of particular phonological processes (as in assimilation and syllable restructuring) which is deemed to concur with specific phonological rules and contexts. The researcher is of opinion that this study has, at least, revealed that North Kedah sub dialect do have special characteristics that require special consideration. The particular characteristics as indicated throughout this study may differentiate North Kedah sub dialect from other variation of Kedah dialect (i.e. the Coastal Kedah sub dialect).

PENGENALAN

Subdialek Kedah Utara ialah subdialek yang dituturkan di sebelah timur laut Jitra hingga ke sempadan Thailand-Malaysia (Asmah Haji Omar, 1988:197). Berdasarkan maklumat ini, maka kawasan yang menempati penutur subdialek Kedah Utara merangkumi sebahagian kecil daerah Kubang Pasu, di sebelah timur, dan hampir keseluruhan daerah Padang Terap. Memandangkan majoriti penutur subdialek ini berada dalam daerah Padang Terap maka kajian ini tertumpu di beberapa buah kampung dalam daerah Padang Terap sahaja.

Terdapat sebelas mukim dalam daerah ini. Ia meliputi mukim Kurong Hitam, mukim Padang Temak, mukim Tolak, mukim Belimbang Kiri, mukim Belimbang Kanan, mukim Padang Terap Kiri, mukim Padang Terap Kanan, mukim Batang Tunggang Kiri, mukim Batang Tunggang Kanan, mukim Pedu, dan mukim Tekai. Majoriti penduduknya terdiri dari kaum Melayu, iaitu 90 peratus daripada jumlah penduduknya. Selebihnya ialah kaum Thai (7 peratus), kaum Cina (1.6 peratus), kaum India (0.3 peratus), dan lain-lain (1.1 peratus). Pada dasarnya, pecahan peratusan sedemikian menunjukkan bahawa kaum Melayu menempati hampir keseluruhan kawasan dalam daerah ini sekali gus menguasai sosiobudaya masyarakat setempat.

Pengkaji mendapati daerah ini agak tertutup dari segi penerimaan

unsur-unsur moden yang berada di luar corak masyarakat agraria.¹ Daerah ini dikatakan masih belum begitu terusik dengan arus pembangunan drastik sepetimana yang telah dan sedang berlaku di beberapa bandar utama di negeri Kedah seperti Alor Setar, Kulim, dan Sungai Petani. Secara tidak langsung, senario sedemikian turut memastikan bahawa ketulenan subdialek Kedah Utara di sini masih lagi terpelihara dengan baik.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Antara penyelidik yang terawal meneliti dialek Kedah ialah Ida Ahmad (1969). Penulisan beliau tentang dialek Kedah tertumpu pada aspek fonologinya. Di samping menghuraikan distribusi bunyi-bunyi vokal dan konsonan, beliau juga turut memaparkan secara ringkas kewujudan diftong dan “kelompok vokal” (vokal rangkap) dalam dialek berkenaan. Pemerian beliau tentang dialek Kedah merupakan suatu usaha awal yang baik. Namun demikian, pada hemat pengkaji, kajian berkenaan memerlukan usaha lanjutan yang lebih teliti dan mendalam. Ini kerana pemerian beliau tentang dialek Kedah lebih bersifat umum dan agak ringkas.

Abdul Karim Ismail (1971) pula meneliti dialek Kedah dengan tumpuan khusus pada daerah Baling. Beliau mengakui akan kewujudan variasi dialek di Kedah, yang meliputi subdialek Baling, subdialek Kedah Persisiran, subdialek Patani, dan subdialek Kedah-Samsam. Objektif utama penyelidikannya adalah untuk memaparkan perbezaan dan persamaan antara subdialek Baling dengan subdialek Kedah Persisiran. Pada pandangan pengkaji, huraian sebegini amat diperlukan bagi memperkasakan kefahaman seseorang terhadap dialek Kedah khususnya subdialek Baling. Bagaimanapun, dialek Kedah dikatakan memiliki pelbagai variasi. Justeru, pengkaji berpendapat penerokaan terhadap jaringan variasinya tidak harus terhenti dengan hanya mengenal pasti sebahagian daripadanya.

1 Menurut laporan yang dikemukakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada tahun 1997, perkembangan pembangunan di sini masih berada pada tahap sederhana. Lebih separuh daripada kawasannya masih dilitupi hutan (56 Peratus). Pembangunan tanah yang ada lebih tertumpu pada kerja-kerja pertanian (39 Peratus) berbanding dengan perindustrian (0.04 Peratus). Dalam konteks guna tenaga utama, sektor pertanian menyumbangkan 71.1 Peratus sementara sektor-sektor lain seperti perindustrian, pembinaan, pengangkutan, dan perkhidmatan kerajaan pula menyumbangkan 28.9 Peratus.

ALTERNASI DALAM FONOLOGI SUBDIALEK KEDAH UTARA

Antara pengkaji yang telah berusaha meneliti hampir keseluruhan subdialek yang wujud di negeri Kedah ialah Asmah Haji Omar (1988). Penyenaraian variasi dialek Kedahnya ternyata lebih meluas daripada pengkaji sebelumnya. Dengan memberikan tumpuan khusus pada subdialek Kedah Persisiran (yang dianggapnya sebagai mewakili dialek Kedah standard), beliau telah membuat perbandingan antara subdialek berkenaan dengan sub-sub dialek Kedah yang lain. Pemerian sebegini sememangnya diperlukan selama ini bagi menghasilkan suatu kefahaman yang mendalam tentang dialek Kedah. Namun demikian, masih terdapat beberapa persoalan dalam analisis beliau, khususnya dalam pendeskripsian subdialek Kedah Utara. Justeru, kajian selanjutnya dimajukan oleh pengkaji bagi melengkapkan lagi kajian yang telah Asmah (1988) lakukan.


James T. Collins (1986, 1996) juga tidak ketinggalan untuk menambah koleksi penyelidikan ke atas dialek Kedah. Penelitian beliau tertumpu di kawasan Pulau Langkawi. Seperkara yang paling menarik dalam kajian beliau ialah kenyataannya tentang kewujudan vokal nasal dalam dialek Kedah. Penemuan ini dianggap seolah-olah telah menyanggah hasil analisis vokal dalam dialek Kedah yang diusahakan sebelumnya. Pengkaji berpendapat bahawa dapatan kajian beliau ini merupakan sesuatu yang menarik dan penting kepada kosa ilmu dialek Kedah. Namun, kajian sebegini masih dianggap terlalu tertumpu ke arah mendeskripsikan satu-satu variasi dialek Kedah sahaja. Justeru, kajian lanjutan yang bersifat lebih luas dan terperinci perlu dilakukan.

DESKRIPSI FONEM SUBDIALEK KEDAH UTARA

Usaha pendeskripsian fonem subdialek Kedah Utara banyak memanfaatkan data yang diperoleh menerusi kajian lapangan. Bagaimanapun, pengkaji turut memanfaatkan hasil penelitian beberapa kajian lepas (misalnya, Asmah Hj Omar 1988, Collins, J.T 1986) bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian.

Inventori Fonem Vokal

Inventori fonem vokal yang ditemui dalam subdialek ini dipaparkan dalam Rajah 1 yang berikut:

**Rajah 1** Inventori Fonem Vokal.

Subdialek Kedah Utara mempunyai sistem lapan vokal, iaitu /i, e, ε, a, ɔ, o, u, ə/. Terdapat empat vokal depan, iaitu /i, e, ε, a/, tiga vokal belakang, iaitu /ɔ, o, u/, dan satu vokal tengah, iaitu /ə/. Kesemua vokal depan kecuali vokal /a/ mampu menduduki kesemua lingkungan awal, tengah, dan akhir kata. Distribusinya diperlihatkan menerusi contoh di bawah:

ile	“hilir”
kəyijau	“memekik”
ninjē	“meninggal”
kənnu i	“kenduri”
jadi	“jadi”
e	“air”
če	“cair”
k ^h en	“kain”
təppe?	“tempik”
pajnjē	“panggil”
ne?	“naik”
pelet	“loghat”
neya?	“meniarap”
sappe	“sampai”

Vokal depan rendah /a/ hadir dalam lingkungan kata yang agak terbatas. Ia boleh hadir pada kebanyakan posisi kata melainkan pada posisi akhir kata. Pengkaji mendapati bahawa pada lingkungan suku kata akhir terbuka dan suku kata akhir tertutup yang diakhiri dengan hentian glotal, vokal /a/ akan diwakili oleh vokal [ə]. Penyebarannya dipaparkan seperti yang berikut:

ALTERNASI DALAM FONOLOGI SUBDIALEK KEDAH UTARA

ano?	“anak”
yapoh	“rapuh”
pa?sd	“paksa”
çyañ	“orang”
pscd	“puasa”
ŋgalə	“menenggala”
səbə?	“sebak”

Manakala hampir kesemua vokal belakang mampu menduduki kesemua lingkungan awal, tengah, dan akhir kata melainkan vokal /o/. Sila rujuk contoh yang berikut:

utto?	“untuk”
tunŋū	“tunggu”
tʰuŋ	“tua”
tʰun	“tahun”
bruh	“berus”
cmc	“umur”
çyañ	“orang”
pscd	“puasa”

Vokal belakang separuh tinggi /o/ hadir pada kebanyakan posisi kata melainkan posisi awal kata. Distribusinya diperlihatkan menerusi data yang berikut:

haččo	“hancur”
pʰon	“pohon”
pʰoh	“buah mangga”
sluŋoh	“seluruh”

Vokal tengah, iaitu vokal *schwa* /ə/ hadir pada kebanyakan posisi kata melainkan posisi akhir kata. Distribusinya diperlihatkan menerusi data yang berikut:

səŋph	“seterjah”
səjəkkai	“sejengkal”
ŋədoŋ	“tanam padi”
məsəjed	“masjid”

Data kajian turut membuktikan kehadiran diftong /ai/, /oi/ dan /au/ dalam Subdialek Kedah Utara ini. Lihat contoh yang berikut:

təbai	“tebal”
pukoi	“pukul”
pisau	“pisau”

Inventori Fonem Konsonan

Inventori fonem konsonan yang ditemui dalam subdialek ini adalah seperti Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1 Inventori Fonem Konsonan.

Daerah Artikulasi Cara Artikulasi	Bilabial	Alveolar	Palato-alveoalar	Velar	Glotal
Hentian	p b	t d		k g	
Frikatif		s			h
Afrikat			č ġ		
Nasal	m	n	ŋ	ɳ	
Lateral		l			
Getaran/Tril		r			
Separuh Vokal			j	w	

Konsonan hentian²

Konsonan hentian/plosif dalam subdialek Kedah Utara merangkumi /p, b, t, d, k, g/. Kesemua konsonan ini berpotensi untuk hadir di lingkungan antara dua vokal dan di tengah kata. Bagaimanapun, hampir kesemua konsonan ini didapati tidak wujud pada kedudukan akhir kata melainkan konsonan /t/. Konsonan /k/ didapati bervariasi dengan alofonnya [?] dalam lingkungan akhir kata. Contoh datanya adalah seperti di bawah:

2 Konsonan hentian merujuk kepada bunyi-bunyi bahasa yang terhasil akibat adanya sekatan terhadap laluan udara sama ada di rongga oral atau glotal. Sekatan ini kemudiannya dibuka dan udara yang tersekat ini kemudiannya dilepaskan dengan serta-merta. Sekiranya sekatan ini berlaku di rongga oral (meliputi kawasan bilabial hingga velar) maka yang akan terhasil ialah bunyi-bunyi plosif, misalnya [d]. Seandainya sekatan ini berlaku di glotis (pita suara) pula maka yang akan terhasil ialah bunyi hentian glotal [?].

pækasam	“jeruk”
tapeh	“tapis”
bələ̄	“bela”
kəbaw	“kerbau”
tu? t̪u	“tidak tahu”
bataj̪h	“jalanraya”
dɔ̄t	“duit”
kənat	“khianat”
doʷn	“daun”
nədəoŋ	“tanam padi”
kənnūŋi	“kenduri”
səjəkkai	“sejengkal”
gela?	“gelap”
pa?sd	“paksa”
lətə?	“letak”

Data ini jelas memperlibatkan perbezaan distribusi konsonan letupan subdialek Kedah Utara ini dengan bahasa Melayu standard.³ Dalam kes ini, data subdialek Kedah utara menyerlahkan fenomena perubahan konsonan letupan pada akhir kata direpresentasikan sebagai hentian glotis (meliputi konsonan bilabial dan alveolar kecuali alveolar tak bersuara).

Konsonan frikatif⁴

Subdialek Kedah Utara memiliki dua konsonan frikatif, iaitu konsonan /s/ dan /h/. Di samping itu, terdapat bunyi [y] dan [f] yang hadir sebagai alofon kepada konsonan /r/ (lihat topik 3.2.6). Antara data yang menyerlahkan distribusi konsonan-konsonan ini ialah:

(gətah) skəru?	“getah sekrap”
besa	“biasa”
bəsaʃ	“besar”
yəti	“mengerti”
geʃe?	“basikal”

3 Untukuraian lanjut tentang konsonan letupan BMS, sila rujuk , M. Yunus Maris (1980), dan Asmah (1988).

4 Konsonan frikatif/geseran diklasifikasikan berdasarkan konsep penyempitan laluan udara di rongga oral atau glotal ketika proses pengartikulasian bunyi bahasa sedang berlangsung. Dalam hal ini, udara tergeser keluar menerusi terusan yang sempit di rongga berkenaan lantas menghasilkan bunyi desiran.

hāttām	“hentam, pukul”
mahe	“mahir”
səŋjəh	“setengah”
čučoř	“kuih/cucur”
gammāř	“gambar”

Berdasarkan data di atas didapati bahawa penyebaran konsonan /h/ lebih meluas berbanding dengan bunyi geseran yang lain. Konsonan ini hadir pada posisi awal kata, akhir kata dan antara dua vokal. Konsonan /s/ pula didapati wujud pada awal kata dan antara dua vokal sahaja. Bunyi ini didapati tidak wujud pada akhir kata.

Analisis perbandingan sistem bunyi bahasa antara subdialek ini dengan bahasa Melayu standard menunjukkan bahawa terdapat konsonan yang memiliki fitur [- belakang] dalam BMS direpresentasikan sebagai konsonan berfitur [+ belakang] dalam SKU.⁵ Fenomena ini terserlah menerusi paparan Jadual 2 di bawah:

Jadual 2 Analisis perbandingan sistem bunyi bahasa BMS dan SKU.

	BMS	SKU
r ↔ ſ	rumah rapuh riŋgit ratus	γumoh γapoh γinŋjet γatořh
r ↔ ſ	besar čukur gugur pakar	bəsař tʃukoř gugoř pakař
r ↔ h	bas bəlas bərus gas kapas ləmas	bařh bəlařh bruh gařh kapařh ləmařh

⁵ Maklumat tentang sistem bunyi bahasa Melayu standard (BMS) diperoleh daripada huraihan M. Yunus Maris (1986), Asmah Haji Omar (1988), Nik Safiah Karim et. al. (1989) serta intuisi pengkaji sendiri sebagai penutur natif bahasa Melayu.

Konsonan /r/ pada awal kata dalam BMS direpresentasikan sebagai bunyi [y] dalam SKU. Sekiranya /r/ wujud pada akhir kata dalam BMS dalam keadaan tidak didahului oleh vokal /i/ maka ia berpotensi untuk direpresentasikan sebagai [y] dalam SKU. Manakala, konsonan /s/ pada akhir kata dalam BMS pula akan direpresentasikan sebagai [h] dalam SKU. Perlu juga ditegaskan di sini bahawa perubahan konsonan daripada /s/ (BMS) kepada [h] (SKU) pada akhir kata, turut melibatkan perubahan kualiti vokal yang mendahuluinya. Data menunjukkan bahawa vokal yang mendahului [h] berkenaan menerima pengaruh fitur [+ tinggi]. Dengan kata lain, vokal rendah /a/ yang mendahului [h] mengalami perubahan kualiti menerusi proses palatalisasi (sila rujuk contoh di atas).

Data kajian juga menunjukkan bahawa perubahan konsonan /r/ pada akhir kata (BMS) kepada [ɿ] (SKU) tertakluk pada syarat bahawa vokal yang mendahului konsonan /r/ berkenaan bukan merupakan vokal depan tinggi. Ini kerana perkataan yang diakhiri dengan bentuk “-ir” seperti /hilir/, /hapir/ dan /mahir/ (dalam BMS) akan mengalami proses pengguguran konsonan /r/ serta proses perendahan vokal di lingkungan akhir kata (vokal tinggi /i/ berubah menjadi vokal rendah /e/) dan direpresentasikan sebagai [hile], [hajẽ] dan [mahẽ] dalam SKU.⁶ Dalam hal ini, bentuk VK (iaitu /-ir/ dalam struktur suku kata akhir berbentuk KV) direpresentasikan sebagai V (misalnya /e/). Justeru, perkataan /hilir/ dirujuk sebagai [hile] atau [ile], /hapir/ sebagai [hajẽ], dan /mahir/ sebagai [mahẽ]. Perubahan kualiti vokal yang berhasil akibat proses perendahan vokal ini (vokal /i/ berubah kepada sama ada /e/ atau /ɛ/) amat bergantung erat dengan konsonan yang mendahuluinya. Sekiranya ia didahului oleh konsonan nasal atau frikatif glotal /h/ maka ia wujud sebagai vokal /ɛ/. Dalam lingkungan lain, ia wujud sebagai vokal /e/.

Konsonan afrikat⁷

Konsonan Afrikat dalam subdialek ini terdiri daripada konsonan letusan palato-alveolar tak bersuara dan bersuara, iaitu /č/ dan /j/. Sepertimana keadaannya dalam bahasa Melayu standard, kedua-duanya mampu

-
- 6 Fenomena ini juga amat lazim berlaku dalam situasi pertuturan bahasa Melayu tidak formal.
 - 7 Konsonan afrikat/letusan merupakan bunyi-bunyi bahasa yang berhasil akibat adanya sekatan “seketika” terhadap laluan udara di rongga oral. Apabila sekatan ini dibuka, udara yang tersekat seketika ini kemudiannya dilepaskan dengan perlahan-lahan.

menempati posisi awal kata, antara dua vokal, dan di lingkungan suku kata akhir terbuka. Contohnya:

če	“cair”
čučoř	“kuih”
čamčø	“sudu”
žadi	“jadi”
njøyet	“menjerit”
kěřø	“kerja”

Konsonan nasal⁸

Data kajian lapangan menunjukkan bahawa subdialek Kedah Utara mempunyai empat konsonan sengau, iaitu /m/, /n/, /ŋ/, dan /ɳ/. Konsonan nasal bilabial, iaitu /m/ menempati lingkungan kata yang luas, iaitu pada awal, tengah dan akhir kata. Begitu juga halnya dengan konsonan nasal alveolar, iaitu /n/ dan konsonan nasal velar, iaitu /ɳ/. Hakikat ini terbukti menerusi data yang berikut:

məsəjed	“masjid”
hammāt	“hambat, pukul”
cʰom	“cium”
nappo?	“nampak”
sənn̩iŷi	“sendiri”
sippaŋ	“simpan”
ŋgalø	“tenggala”
sunŋjõh	“sungguh”
paŋŋjāŋ	“panggang”

Bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan syarat kehadiran konsonan /ɳ/ dalam kes posisi akhir kata. Pengkaji mendapati bahawa kehadiran konsonan /ɳ/ pada posisi akhir kata amat bergantung erat dengan kualiti vokal yang mendahuluinya. Konsonan /ɳ/ berpotensi untuk wujud pada

⁸ Pada dasarnya, konsonan nasal/sengau juga merujuk kepada bunyi-bunyi bahasa yang berhasil akibat adanya sekatan terhadap laluan udara di rongga oral. Namun demikian, sekatan di rongga oral ini tidak dibuka untuk membenarkan udara dihembus keluar menerusi rongga nasal. Justeru, terhasillah bunyi-bunyi bahasa sengau.

posisi akhir kata sekiranya vokal yang mendahuluinya bukan vokal tinggi, iaitu bukan vokal /i/ dan /u/. Misalnya:

alej	“warak”
kammęj	“kambing”
paŋŋāŋ	“panggang”
kappoŋ	“kampung”
mɔtɔŋ	“memotong”

Justeru, perkataan yang lazim ditemui dalam bahasa Melayu standard, yang mengandungi rangkap “vokal tinggi-konsonan nasal velar” pada suku kata akhir tertutup, misalnya “kucing” berpotensi direpresentasikan sebagai rangkap “vokal tinggi-konsonan nasal alveolar”, iaitu [kučin] dalam subdialek Kedah Utara ini.⁹

Konsonan nasal palato-alveolar, iaitu /ɲ/ pula amat terbatas penyebarannya dalam subdialek Kedah Utara. Konsonan ini hanya ditemui pada lingkungan awal dan tengah kata sahaja. Dengan kata lain, distribusi konsonan ini amat terhad. Fenomena ini dianggap lumrah dalam kebanyakan bahasa khususnya bahasa Melayu. Antara contoh data yang menyerlahkan distribusi konsonan ini dalam subdialek Kedah Utara ialah:

ɲɔ	“buah kelapa”
bajn?	“banyak”
hajnε	“hanyir”

Konsonan lateral¹⁰

Distribusi konsonan /l/ dalam subdialek Kedah Utara dapat dilihat menerusi data pada halaman yang berikut:

9 Namun demikian, perlu juga ditegaskan di sini bahawa data perkataan yang berpola vokal tinggi (khususnya vokal depan tinggi, iaitu /i/) di posisi suku kata akhir tertutup amat sukar ditemui dalam bahasa Melayu. Ini sejajar dengan prinsip kealamianan kesejarahan vokal bahasa Melayu lisan, iaitu mengutamakan vokal /e/ dalam suku kata akhir tertutup sebagai alternatif kepada vokal /i/, misalnya perkataan [salen], [salen], [tuden], [uben], [sumpet], [lape?], dan [rinte?].

10 Konsonan Lateral dilambangkan dengan simbol /l/. Konsonan ini dihasilkan dengan cara laluan udara disekat di tengah-tengah rongga oral (tengah lidah menyentuh lelangit) dan serentak membenarkan pengalirannya di sisi kanan dan kiri rongga oral (sisi lidah).

ləmmū	“lembu”
lassoŋ	“laŋsunj”
le'n	“lain”
ile	“hilir”
tulanj	“tulanj”
kalu	“kalau”

Berdasarkan data di atas, didapati lingkungan penyebaran konsonan ini dalam subdialek Kedah Utara terbatas pada posisi awal kata dan antara dua vokal sahaja. Situasi ini ternyata berbeza dengan data bahasa Melayu standard. Dengan kata lain, di samping wujud pada posisi awal kata dan antara dua vokal, kita juga boleh temui kehadiran konsonan ini pada akhir kata dalam bahasa Melayu standard.¹¹

Perbandingan data bahasa Melayu standard dengan data yang diperoleh di lapangan menunjukkan bahawa wujud kesejajaran antara konsonan /l/ dengan vokal /e/ serta diftong /oi/ dan /ai/. Kehadiran vokal /e/ serta diftong /oi/ dan /ai/ pada akhir kata dalam data subdialek Kedah Utara dapat dianggap sebagai pengganti konsonan /l/ sekiranya digandingkan dengan bahasa Melayu standard. Hakikat ini terserlah menerusi paparan Jadual 3 di bawah:

Jadual 3 Perbandingan data BMS dan SKU.

	BMS	SKU
il ← - - → e	panggil	pangjē
ul ← - - → oi	bətul čəŋkul	bətoi čakkoi
l ← - - → ai	kenal səjəŋkal	kənai səjəkkai

¹¹ Pada hemat pengkaji, bunyi likwida, iaitu konsonan sisian /l/ dan konsonan getaran /r/ tidak mungkin ditemui wujud pada posisi akhir kata dalam dialek Melayu. Dalam bahasa Melayu standard, perkataan yang diakhiri dengan bentuk “-il” (rangkap VK dalam struktur suku kata akhir KV) misalnya /pangil/, /buntıl/, dan /umpıl/, lazimnya akan mengalami proses peleburan dalam situasi ujaran tidak formal (ujaran “nonstandard”). Dalam hal ini, bentuk VK lebur menjadi V (misalnya /e/, dan membentuk suku kata akhirnya sebagai KV). Justeru, perkataan /pangil/ dirujuk sebagai /pange/ dan /buntıl/ sebagai /bunte/.

Konsonan tril alveolar¹²

Analisis data kajian lapangan menunjukkan bahawa konsonan getaran alveolar ditemui hadir dalam perkataan pinjaman. Sila lihat data di bawah:

tarbi <small>j</small> oh	“mendidik”
market	“pasar”

Konsonan /r/ ini wujud sebagai bunyi pertama dalam segmen berangkap (KK) pada lingkungan tengah kata. Data berkenaan merujuk kepada dua patah perkataan pinjaman bahasa Arab dan bahasa Inggeris yang amat lazim diguna pakai oleh penduduk setempat dalam daerah kajian. Dalam lingkungan lain (lingkungan awal dan akhir kata), konsonan /r/ ini akan direpresentasikan dalam ujaran sebagai bunyi [y] dan [Ω] (lihat topik **Konsonan Frikatif** halaman 336).

Separuh vokal¹³

Data subdialek Kedah Utara yang mengandungi bunyi /j/ dan /w/ ini dipaparkan seperti yang berikut:

dijp	“dia”
kəyijau	“memekik”
kawan	“kawan”

Bunyi separuh vokal /y/ dan /w/ ditemui hadir dalam lingkungan antara dua vokal. Bunyi /w/ juga didapati wujud pada akhir kata dan ini membezakannya dengan bunyi /j/. Dalam hal ini, bunyi /j/ tidak ditemui hadir pada posisi akhir kata.

12 Konsonan tril/getaran alveolar dilambangkan dengan simbol [r]. Konsonan ini terhasil apabila hujung lidah yang berada di alveolar digetarkan beberapa kali oleh arus udara yang melaluinya.

13 Bunyi ini turut dikenali dengan nama geluncuran. Ia merujuk kepada geluncuran pantas lidah dari satu posisi vokal ke vokal yang lain. (Dalam hal ini, ia berbeza dengan diftong dan vokal kerana penghembusan nafas yang diperlukan bagi menghasilkannya adalah lemah). Bunyi /j/ terhasil apabila depan lidah dinaikkan menuju ke kawasan lelangit keras sepetimana artikulasi vokal /i/ dan kemudiannya dengan pantas menggeluncur ke posisi bertentangan dengan velar sepetimana artikulasi vokal /a/. Bunyi /w/ pula terhasil apabila bibir dibundarkan dan serentak depan lidah dinaikkan menuju ke kawasan velar sepetimana artikulasi vokal /u/ dan kemudiannya dengan pantas menggeluncur menurut cara penghasilan vokal /a/.

Seperkara yang perlu diketengahkan di sini ialah pengaruh keduadua bunyi ini dalam kes artikulasi sekunder yang wujud dalam subdialek ini. Artikulasi sekunder merujuk kepada fenomena penglibatan dua artikulasi serentak pada darjah penyekatan yang berbeza. Secara tidak langsung, fenomena ini melibatkan penambahan ciri bunyi lain dalam pengartikulasian sesuatu bunyi tertentu¹⁴. Berdasarkan data kajian, didapati bahawa terdapat dua jenis artikulasi sekunder dalam subdialek ini, iaitu palatalisasi dan labialisasi. Sila rujuk data berikut:

do ^j t	“duit”
ga ^j h	“gas”
kale ^j h	“ubah”
ləpa ^j h	“lepas”
do ^w n	“daun”
bu ^w p?	“buat”
bu ^w aj	“buang”
ku ^w p?	“kuat”

Data di atas menyerlahkan unsur penambahan ciri tinggi¹⁵ oleh [j] atau penambahan ciri bundar¹⁶ oleh [w] ke atas vokal /o, a, u/.

Alternasi dalam Fonologi Subdialek Kedah Utara

Istilah “bahasa Kedah standard” membawa maksud variasi dialek Kedah yang standard. Ia diguna pakai oleh penutur Kedah dalam situasi formal dan menjadi asas bahasa diraja Kedah. Dalam hal ini, subdialek Kedah yang dianggap mewakili bahasa Kedah standard ialah subdialek Kedah Persisiran (lihat, Asmah Haji Omar, 1988:190).

14 Penambahan ciri bunyi lain di sini lazimnya merujuk kepada penambahan ciri bunyi vokal. Dalam hal ini, bunyi yang menjadi sasaran utama dalam pengartikulasian (artikulasi primer) menerima satu ciri/fitur tambahan akibat artikulasi yang sekunder (penyekatan yang berlaku pada artikulasi lain dalam jangkamasa yang serentak). Bagaimanapun, perlu ditegaskan di sini bahawa darjah penyekatan bagi artikulasi sekunder adalah lemah berbanding artikulasi primer. Umumnya, terdapat beberapa bentuk artikulasi sekunder yang ditemui dalam kebanyakan bahasa di dunia. Ini termasuklah labialisasi, palatalisasi, velarisasi, faringalisasi, dan aspirasi. Untuk huraihan lanjut, sila rujuk, Ladefoged (1993), dan Crystall (1991).

15 Umumnya, dirujuk dengan istilah palatalisasi/pelelangitkerasan. Palatalisasi dilambangkan dengan simbol [j].

16 Umumnya, dirujuk dengan istilah labialisasi/pembundaran. Labialisasi dilambangkan dengan simbol [w].

Kajian terhadap data ujaran penutur daerah Padang Terap, iaitu pengamal subdialek Kedah Utara ternyata telah menyerlahkan beberapa perbezaan yang ketara dan unik antara subdialek ini dengan bahasa Kedah standard. Fenomena ini amat terserlah khususnya dari aspek fonologi. Antara lainnya, ia meliputi kes peleburan segmen rangkap, asimilasi nasal-obstruen¹⁷ dan pengaruh aspirasi.

Proses peleburan segmen rangkap

Seperkara yang menarik perhatian pengkaji berhubung dengan aspek alternasi dalam subdialek Kedah Utara ini ialah proses peleburan segmen rangkap. Data kajian menunjukkan kecenderungan tinggi penutur subdialek ini untuk meleburkan gugusan dua atau tiga segmen pada lingkungan akhir kata kepada satu segmen vokal. Antara contoh data yang ditemui ialah:

Jadual 4 Peleburan segmen rangkap.

VV → V	BMS	SKU
VV → /ɛ/	naik biasa meniarap	ne? beso neya?
VV → /e/	kain	k ^h en
VK → /ɔ/	umur	ɔmo
VK → /e/	hajir məniŋgal	haŋe niŋŋe
VVK → /e/	air čair	e če .
VVK → /ɔ/	jiur	jɔ
VKV → /e/	pahit tahun	p ^h et t ^h un
VKV → /u/	tahun	t ^h un

17 Merujuk kepada rangkap konsonan nasal dan obstruen yang homorgan dari segi ciri daerah artikulasi, misalnya “m-p” dan “m-b” (*kampunj*, *lampa*, *sembanj*, *jmpi*). Begitu juga halnya dengan “n-t”, “n-d”, “ŋ-k”, “ŋ-g”, “ŋ-s”, “ŋ-č”, dan “n-ɟ”. Untuk huraian lanjut, sila rujuk, Shahidi A.H. (2000: 436–38).

Proses asimilasi nasal-obstruen¹⁸

Bahasa Kedah standard (BKS) memperlihatkan pola asimilasi nasal-obstruen yang lazim ditemui dalam bahasa Melayu standard. Misalnya:

nampa?	“nampak”
hambat	“hambat”
həntam	“hentam”
mandi	“mandi”
hajčeo?	“hancur”
tunđgu	“tunggu”
čaŋkoi	“cangkul”
suŋgoh	“sungguh”

Tegasnya, bahasa Kedah standard tegar mengekalkan pola berkenaan tanpa sebarang perbezaan/perubahan. Situasi ini jelas membezakannya dengan subdialek Kedah Utara. Lihat contoh data subdialek Kedah Utara di bawah:

nappo?	“nampak”
hammāt	“hambat”
hattām/ hattāŋ	“hentam”
mannī	“mandi”
haččo	“hancur”
tuŋgū	“tunggu”
čakkoi	“cangkul”
suŋgōh	“sungguh”
kappoŋ	“kampung”
mappoh	“mampus”
lərn̩mū	“lembu”
nuttuŋt	“menuntut”
lappam	“ikan lampan”
ammē?	“ambil/ambik”
temmə?	“tembak”
gaŋgū	“ganggu”

¹⁸ Merujuk kepada rangkap konsonan nasal dan obstruen yang homorgan dari segi ciri daerah artikulasi, misalnya “m-p” dan “m-b” (**kampuŋ**, **lampu**, **səmbaŋ**, **jampi**). Begitu juga halnya dengan “n-t”, “n-d”, “ŋ-k” “ŋ-g”, “ŋ-s”, “ŋ-c”, dan “n-ɟ”. Untuk huraian lanjut, sila rujuk, Shahidi Abd Hamid (2000: 436–438).

Contoh di atas jelas memperlihatkan ciri perbezaan yang ketara antara dua subdialek tersebut. Perbezaan ini sebagai penunjuk terhadap proses fonologi yang berlaku antara kedua-duanya. Asimilasi nasal-obstruen dalam subdialek Kedah Utara menyerlahkan kewujudan serentak proses pengguguran nasal dalam gandingan nasal-obstruen tak bersuara, pengguguran obstruen bersuara dalam gandingan nasal-obstruen bersuara, sekali gus vokal yang bersebelahan nasal dinasalisasikan, di samping proses penggandaan konsonan yang kekal (penggandaan konsonan nasal atau obstruen yang tidak digugurkan selepas berlakunya proses pengguguran).

Urutan proses pengguguran dan penggandaan konsonan dalam subdialek Kedah Utara ini dipaparkan seperti di bawah:

	BKS	SKU
Asimilasi nasal-obstruen	kampoj	-
Pengguguran nasal	-	kapoŋ
Penggandaan	-	kappoŋ
	BKS	SKU
Asimilasi nasal-obstruen	hambat	-
Pengguguran obstruen bersuara	-	hamāt
Penggandaan	-	hammāt

Bagaimanapun, perlu juga ditegaskan di sini bahawa terdapat dua kekecualian dalam kes yang dipaparkan diatas. Pertama, konsonan obstruen bersuara dan nasal berkenaan tidak akan mengalami proses pengguguran sekiranya ia wujud atau berada pada awal suku kata pertama dalam ujaran. Misalnya /ŋ-g/ dalam perkataan [ŋgal]. Kedua, konsonan nasal tidak akan mengalami proses pengguguran sekiranya ia wujud dalam gandingan nasal-obstruen yang tidak homorganik.¹⁹ Misalnya gandingan /m-č/ dalam perkataan [čamčo].

PENUTUP

Kajian terhadap subdialek Kedah Utara kurang mendapat perhatian utama penyelidik bahasa sebelum ini. Ini mungkin kerana wujudnya anggapan

¹⁹ Tidak homorganik di sini membawa maksud konsonan nasal dan obstruen (yang berangkap/bergandingan) itu tidak memiliki persamaan daerah artikulasi. Sebagai contohnya, dalam rangkap /mč/, [m] diartikulasikan di daerah labial sedangkan [č] diartikulasikan di daerah palatoalveolar. Sila rujuk Jadual 4.

bahawa subdialek Kedah Utara tidak jauh berbeza dengan subdialek Kedah yang lain. Tegasnya, ramai pengkaji kajian yang lepas mungkin berandaian bahawa subdialek ini, secara ketara, tidak memiliki ciri khusus yang melambangkan keunikannya. Bagaimanapun, hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi penunjuk ke arah penilaian semula pandangan tersebut. Menerusi analisis dan dapatan kajian ini, beberapa tafsiran baru tentang subdialek Kedah Utara ini telah dibina.

Pada pandangan penulis, semakin halus budaya sesuatu kaum itu maka semakin teliti penggunaan bahasanya, sekali gus semakin terperinci penerapan sistem bahasanya dalam pertuturan sehariannya. Begitu juga halnya dengan seni berbahasa dialek Melayu Kedah. Apa yang menariknya di sini ialah kehadiran vokal kardinal sekunder belakang hampir bundar, iaitu vokal [ɒ] dalam pertuturan responden kajian. Penemuan ini dianggap menarik dan penting kerana menurut pemerhatian pengkaji, tidak wujud kajian terdahulu tentang vokal ini dalam SKU. Meskipun pengkaji kekurangan data untuk mendakwa bunyi vokal ini sebagai salah satu fonem vokal dalam sistem vokal SKU, namun, kajian lanjutan akan terus diusahakan bagi menghasilkan suatu dapatan/dakwaan yang lebih tuntas.

Penemuan vokal [ɒ] ini juga secara tidak langsung menjadi bukti tentang ketelitian sistem bahasa subdialek ini. Tegasnya, subdialek ini bukan sahaja mengaplikasikan sistem vokal kardinal primer malahan turut memanfaatkan sebahagian daripada unsur dalam sistem vokal kardinal sekunder. Justeru, dapat dirumuskan di sini bahawa setiap satu segmen bahasa, sama ada ia berupa fon, kata, frasa, atau yang lebih besar daripada kategori frasa, tetap mempunyai fungsi dan kepentingan tersendiri dalam sistem pertuturan penggunanya di daerah ini.

Pemerhatian secara terperinci terhadap data bahasa subdialek Kedah Utara ini juga menemukan penulis dengan unsur-unsur artikulasi sekunder yang tidak terdapat dalam subdialek Kedah persisiran. Unsur artikulasi sekunder yang dirujuk di sini ialah unsur aspirasi²⁰. Aspirasi sebagai sebahagian daripada fenomena artikulasi sekunder ditemui dalam beberapa bahasa di dunia. Antaranya termasuklah bahasa Inggeris (BIng) dan bahasa Thai (BTh). Contoh kehadiran unsur ini dalam bahasa berkenaan dipaparkan di bawah:

²⁰ Aspirasi juga merupakan sebahagian daripada fenomena artikulasi sekunder. Dalam hal ini, bunyi yang menjadi sasaran utama dalam pengartikulasian diberikan satu ciri tambahan (mengalami penambahan satu lagi artikulasi yang sekunder) yang bersifat geseran glotal, iaitu [h]. Aspirasi dilambangkan dengan simbol [ʰ].

BIng	p ^h in	“pin”
BTh	p ^h aa	“apart”

Penelitian terhadap data kajian menemukan penulis dengan beberapa contoh perkataan yang terserlah unsur aspirasinya. Antara lain termasuklah:

t ^h u	“itu”
t ^h up	“tua”
t ^h an	“tahan”
t ^h un	“tahun”
p ^h et	“pahit”
p ^h oh	“buah pauh”
p ^h on	“pohon”
k ^h en	“kain”
c ^h om	“cium”
mp ^h at	“empat”

Kehadiran data di atas dalam pertuturan penutur daerah kajian ini menyerlahkan kemungkinan wujudnya hubungan serta sifat saling pengaruh mempengaruhi antara dua budaya. Tegasnya, dalam hal ini, bahasa “Siam” dirasakan telah mempengaruhi sistem berbahasa penutur subdialek Kedah Utara ini. Hakikat ini diperteguh lagi dengan bukti adanya pengaruh intonasi dalam ujaran.²¹

Penemuan unsur aspirasi dalam data kajian menyerlahkan kemungkinan adanya keterkaitan subdialek ini dengan bahasa Thai. Asas kemungkinan kewujudan pengaruh bahasa Thai terhadap subdialek Kedah Utara dinilai dari segi faktor geografi dan kependudukan. Sepertimana yang telah dinyatakan terdahulu, daerah pertuturan subdialek ini meliputi kawasan yang amat berhampiran dengan negara Thai. Di samping itu juga, terdapat banyak kampung di daerah padang Terap yang menjadi penempatan tetap bangsa Thai sejak ratusan tahun yang lampau. Kawasan Naka misalnya, mengandungi tujuh buah kampung “Siam” (merujuk kepada kampung yang sejak mula kewujudannya ditempati oleh orang-orang Thai). Kampung-kampung berkenaan ialah Kampung Canggeng, Lamdin, Tandop, Lubuk Rambai, Padang, Maitap, dan Naka Baru. Hubungan kaum Melayu yang

21 Lihat juga, Asmah Haji Omar (1988:189)

rapat dengan penduduk berbangsa Thai atau ringkasnya Siam, memberi ruang asimilasi budaya antara kedua-duanya. Hakikat ini sekurang-kurangnya terserlah menerusi aspek berbahasa.

Sebagai kesimpulan, pengkaji menegaskan di sini bahawa kosa ilmu terdahulu amat kurang memperincikan proses fonologi yang wujud dalam subdialek Kedah Utara, dan huraianya lebih terarah menyamakan proses fonologi subdialek Kedah Utara dengan subdialek Kedah persisiran. Bagaimanapun, hakikatnya, subdialek Kedah Utara tetap mempunyai perbezaan proses fonologi dalam kes-kes tertentu. Antara lain yang ditemui dalam kajian ini ialah proses penggandaan konsonan sebagai pengganti proses asimilasi nasal (homorganik nasal-obstruen). Dalam hal ini, pengkaji telah memaparkan konsonan rangkap yang ditemui hadir pada lingkungan tengah kata dalam data kajian, dan bukanlah ia wujud atau diwujudkan secara sewenang-wenangnya. Ia merupakan hasil proses asimilasi dan perubahan struktur suku kata yang berlandaskan syarat-syarat dan lingkungan tertentu. Penemuan proses penggandaan konsonan ini diharapkan dapat menjadi titik tolak ke arah pentafsiran semula proses fonologi subdialek Kedah Utara ini. Hal ini penting kerana ia akan dapat mencerminkan ciri-ciri sebenar subdialek Kedah Utara.

Pada hemat penulis, perhatian khusus harus diberikan kepada subdialek Kedah Utara. Dapatan yang terserlah menerusi kosa ilmu kajian lepas ternyata belum berpada untuk memberi gambaran secara jelas dan tepat tentang subdialek ini. Meskipun analisis dan dapatan yang diserahkan menerusi kajian ini dirasakan masih belum dapat memperincikan kesemua ciri-ciri subdialek Kedah Utara ini, namun, hasil kajian ini sekurang-kurangnya telah membuktikan bahawa subdialek Kedah Utara memiliki ciri-ciri tertentu yang khusus membezakannya dengan variasi dialek Kedah yang lain.


ALTERNASI DALAM FONOLOGI SUBDIALEK KEDAH UTARA

LAMPIRAN 1 Peta Daerah-Daerah di Negeri Kedah



SHAHIDI A.H.

LAMPIRAN 2 Peta Lokasi Mukim di Daerah Padang Terap



RUJUKAN

- Abdul Karim Ismail, 1971. "Dialek Baling – Sifat-sifat umum kumpulan teks". Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar, 1977. *The Phonological Diversity of the Malay Dialects*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1988. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyung Adil, 1980. *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T., 1986. *Antologi Kajian Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T., 1996. *Khazanah Dialek Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farid M. Onn & Ajid Che Kob, 1993. *Simposium Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Ismail, Hj., 1987. *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*. Jitra: Jawatankuasa Penerbitan Universiti Utara Malaysia.
- Ida Ahmad, Drs., "Fonologi bahasa Kedah" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 13(12): 531-37, 1969.
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar, 1997. *Rancangan pembangunan daerah Padang Terap 1995–2020*. Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
- M. Yunus Maris, 1980. *The Malay Sound System*. Petaling Jaya. Penerbit Fajar Bakti.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 1989. *Tatabahasa Dewan Jilid 2:Perkataan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahidi A.H., "Analisis fonologi bahasa Iban" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 44 (4): 434 – 44, 2000.